

TR: 4.3.1966

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA PELANCARAN
BULAN BAHASA KEBANGSAAN 1966,
DI BALAI BUDAYA,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
KUALA LUMPUR PADA 26. MAC, 1966.**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatan-kuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan kerana menjemput saya untuk melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini. Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini akan berlangsung selama enam bulan mulai dari hari ini. Ini bermakna rakyat negeri ini akan mendapat masa yang panjang untuk menumpukan segala perhatian terhadap bahasa kebangsaan. Gerakan Bahasa Kebangsaan ini ialah suatu peluang yang baik untuk rakyat yang taat setia kepada negara ini memberikan sumbangan terhadap usaha-usaha memajukan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa. Selain daripada itu kita berharap Gerakan-gerakan Bahasa Kebangsaan ini akan menolong memupuk semangat kebangsaan, semangat perpaduan dan satu taat setia yang amat dikehendaki dan penting bagi kejayaan dan kesejahteraan Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Sejak dari dahulu lagi saya sentiasa memperhatikan gerakan-gerakan dan kemajuan-kemajuan yang berlaku di sekeliling Bahasa Kebangsaan. Dari apa yang telah saya perhatikan selama ini dapatlah saya membuat beberapa kesimpulan: Pertamanya, saya lihat rakyat negara ini, dari segala keturunan bangsa, telah memperlihatkan kesedaran yang Bahasa Kebangsaan adalah suatu keperluan negara yang mustahak. Ini ternyata dari suasana ketenteraman, suasana muhibah dan kerjasama antara kaum setiap kali diadakan Gerakan Bahasa Kebangsaan dan penerimaan mereka, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di negara kita. Kita perhatikan bahawa orang-orang bukan Melayu makin bertambah banyak memainkan peranan yang cergas, di samping orang-orang Melayu, untuk menjayakan Gerakan-gerakan Bahasa Kebangsaan. Kedua,

saya perhatikan bahawa penggunaan Bahasa Kebangsaan terutamanya dalam pentadbiran negara, bertambah-tambah luas dari sehari ke sehari, manakala dalam lapangan perusahaan dan perniagaan sudah kelihatan tanda-tanda yang baik untuk memulakan penggunaan Bahasa Kebangsaan itu. Ketiga, saya perhatikan bahawa Bahasa Kebangsaan itu sendiri telah mencapai suatu taraf perkembangan yang boleh dikatakan cukup untuk menampung keperluan-keperluan negara dalam lapangan pelajaran. Perkembangan ini terbukti dari bertambah banyaknya sekolah-sekolah dan darjah-darjah menengah yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai alat pengantar yang utama, sehingga sudah ada sejumlah penuntut-penuntut yang telah berjaya memasuki Universiti Malaya melalui Bahasa Kebangsaan. Buku-buku dalam Bahasa Kebangsaan sudah makin banyak diterbitkan. Ini dapat kita saksikan dari pameran-pameran buku yang diadakan dalam Gerakan-gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya suka melihat orang-orang bukan Melayu lebih banyak lagi menjadi penulis-penulis, wartawan-wartawan dan pengarang-pengarang Malaysia yang menggunakan Bahasa Kebangsaan dan mereka diambil bekerja semata-mata kerana mereka dapat menguasai Bahasa Kebangsaan. Saya berharap Dewan Bahasa akan memberi perhatian yang besar kepada penulis-penulis baru, penulis-penulis zaman Malaysia, dan memberi penghargaan ataupun hadiah-hadiah khas kepada penulis-penulis yang bukan Melayu yang menulis buku-buku teks dan pengetahuan dalam bahasa kebangsaan. Saya dapati sekarang banyak penulis-penulis muda semua bangsa yang muncul dan mereka hendaklah diberi perangsang dan penghargaan yang istimewa.

Segala perkembangan yang telah saya sebutkan itu dapat berlaku kerana adanya hasrat dan keinginan rakyat negara ini daripada semua bangsa untuk memajukan Bahasa Kebangsaan sebagai satu alat perpaduan negara. Dan juga adanya keazaman dan hasrat Kerajaan sendiri untuk memberi taraf yang sewajarnya kepada Bahasa Kebangsaan. Bahasa Melayu telah diterima oleh semua bangsa di negara kita ini menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara kita ini. Perkara ini tidaklah lagi menjadi soal dan mana-mana pihak pun tidak lagi menyoal. Akan tetapi dalam melaksanakan dasar kita ini, kita mustahaklah bertimbang rasa kepada pihak-pihak yang lain iaitu pihak rakan-rakan kita orang-orang dari keturunan yang bukan Melayu, disebabkan mereka itu telah menerima Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan.

Dengan ini bermaknalah Bahasa Kebangsaan itu menjadi hak semua rakyat negeri ini daripada semua bangsa dan lagi pihak Kerajaan telah memberi akuan dalam Perlembagaan bahawa Kerajaan akan memelihara bahasa-bahasa lain serta membenar dan menggalakkan bahasa-bahasa itu dipelajari di sekolah-sekolah. Dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Perikatan ini ialah dasar yang jujur dan bijak serta bertimbang rasa. Oleh itu dalam menjalankan dasar ini hendaklah kita bercermat dan berhati-hati supaya kita tidak menimbulkan perasaan takut ataupun kecil hati daripada mana-mana pihak. Seperti saya katakan tadi, Bahasa Kebangsaan kita telah menjadi hak semua rakyat negeri ini, sebab itulah tanggungjawab bagi mengguna dan memperkembangkan bahasa itu menjadi tanggungjawab semua bangsa yang duduk di negara kita ini, bukan semata-mata tanggungjawab orang Melayu. Kerajaan Perikatan adalah berdiri di atas Perlembagaan negara kita dan akan menjamin bahawa Kerajaan akan menurut butir-butir dan semangat yang terkandung dalam Perlembagaan itu. Oleh itu janganlah mana-mana pihak cuba hendak menggunakan soal bahasa ini dengan tujuan hendak memecah-belahkan rakyat negara kita atau hendak merosakkan keamanan di dalam negara kita.

Sungguhpun dasar Kerajaan ialah hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal di negara kita menurut kehendak Perlembagaan negara kita, akan tetapi menurut kehendak Perlembagaan juga Kerajaan akan menjamin yang bahasa-bahasa lain boleh terus menerus diajar, dipelajari dan digunakan di negara kita. Oleh itu jika kita semua faham dengan sebenarnya akan butir-butir dan semangat Perlembagaan itu dan Kerajaan akan berdiri teguh di atasnya. Saya percaya kita tidak akan dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat yang bertujuan dan cuba hendak merosakkan keamanan negara kita dengan menggunakan masalah Bahasa Kebangsaan. Saya suka seramai-ramainya rakyat Malaysia ini tahu berbagai bahasa - lebih banyak bahasa yang kita pelajari, lebih baik bagi diri kita. Saya nasihatkan penduduk-penduduk di negara kita ini supaya mempelajari berbagai-bagai bahasa seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Perancis, Bahasa Arab dan lain-lain lagi - ini semua amatlah berguna kepada negara kita.

Langkah-langkah dan usaha-usaha kita untuk memperkembangkan dan memperkayakan bahasa kita mustahaklah dijalankan dengan teratur dan dengan sempurna. Oleh sebab itu 2 tahun yang

lalu saya telah mengesyorkan supaya diadakan Bilik Gerakan di Peringkat Kebangsaan, di Peringkat Negeri supaya langkah-langkah yang kita ambil dalam lapangan ini dapat dicatat, diukur dan disemak dari satu masa ke satu masa. Begitu jugalah dengan mengadakan Gerakan-gerakan Bahasa Kebangsaan terutama di Bulan Bahasa Kebangsaan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini telah dapat penerimaan yang luas daripada semua golongan rakyat di negara kita dan lagi perlulah diadakan berbagai kemudahan, seperti mengadakan kursus-kursus Bahasa Kebangsaan dan menerbitkan buku-buku yang bermutu dalam Bahasa Kebangsaan.

Perkara-perkara ini adalah sedang diusahakan. Begitu juga mustahaklah nilai harga Bahasa Kebangsaan itu dipertinggikan. Kesimpulan: kita mahu melihat Bahasa Kebangsaan diamal dan digunakan seluas-luasnya dalam lapangan hidup kenegaraan kita terutama dalam lapangan pentadbiran negara, pelajaran kebangsaan dan perusahaan. Saya sendiri belumlah cukup puas hati lagi dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Pejabat-pejabat Kerajaan. Saya harap langkah-langkah yang lebih tegas lagi dijalankan untuk meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan di Pejabat-pejabat. Jika ada apa-apa kesulitan dalam lapangan istilah, perkara ini dapat di atasi jika pegawai-pegawai itu mahu berusaha sedikit untuk bertanya dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Begitu juga saya berharap istilah-istilah baharu yang hendak digunakan dalam Bahasa Kebangsaan itu dipermudahkan, umpamanya jika asalnya dari Bahasa Inggeris dan jika terlalu sangat umum penggunaannya, biarlah kita ambil terus sahaja perkataan itu seperti umpamanya perkataan "sports", tidak payah ditukar kepada "olahraga" kerana "sports" memang sudah difahami oleh semua rakyat hingga ke kampung-kampung. Jadi untuk penggunaan sehari-hari, bolehlah kita gunakan perkataan yang biasa digunakan. Tetapi dari segi memperkayakan bahasa, bolehlah kita gunakan istilah yang baharu. Dengan itu sekarang kita ada 3 perkataan yang bermakna satu - "sports", "sukan" dan "olahraga". Begitu juga saya harap pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan menolong membuat "Malay made easy" kepada semua.

Bahasa, mestilah digunakan, bukan untuk disimpan dalam buku dan di kepala masing-masing. Oleh yang demikian saya berseru kepada Ketua-ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Kementerian, Pegawai-pegawai Kerajaan yang hadir dalam majlis ini supaya

berusaha lebih giat lagi untuk meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran Kerajaan. Mulai dari hari ini kita patutlah membaharui ikrar untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan setiap masa dan waktu. Kita berkehendakkan Bahasa Kebangsaan memainkan peranan yang lebih luas dan lebih berkesan dalam seluruh proses pembangunan negara yang sedang berjalan sekarang.

Pada fikiran saya penggunaan satu-satu bahasa itu adalah bergantung kepada kesanggupan kita untuk melaksanakannya. Kesanggupan kita menggunakan Bahasa Kebangsaan umpamanya bergantung kepada beberapa perkara, terutamanya kita mestilah mempelajari bahasa itu, keduanya kita mestilah sanggup menyesuaikan penggunaan bahasa itu mengikut keperluan kita dan ketiganya kita mestilah mempunyai kepercayaan terhadap bahasa itu. Saya tahu kebanyakan daripada pegawai-pegawai Kerajaan boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan baik dalam pertuturan sehari-hari mahupun dalam surat menyurat dengan lebih luas lagi dan saya harap perkara ini dapat dijalankan. Bagi pegawai-pegawai bukan Melayu, kursus-kursus hendaklah diadakan untuk memberi peluang kepada mereka itu mempelajari Bahasa Kebangsaan. Akan tetapi jika kita hendak memahami bahasa dengan sebenar-benarnya mustahaklah kita melatih diri kita untuk menggunakan bahasa itu dan kita tidak dapat mengetahui bahasa semata-mata dari buku atau dari ajaran guru-guru sahaja. Mustahaklah kita gunakan bahasa itu dan sesuai bahasa itu mengikut keperluan sehari-hari.

Kalau Bahasa Kebangsaan digunakan dengan seluas-luasnya maka sudah tentu dengan sendirinya daerah penggunaan Bahasa Inggeris yang sekarang ini masih menjadi bahasa rasmi negara kita, akan beransur-ansur kurang. Proses peralihan ini adalah berjalan sekarang ini dan saya harap akan dapat dipercepatkan lagi. Terserahlah kepada tuan-tuan sekalian untuk menghadapi proses ini secara lebih tegas dan lebih bersungguh-sungguh lagi. Apa yang telah dihasilkan dalam buku, umpamanya istilah-istilah baharu Bahasa Kebangsaan mestilah dipraktikkan. Sangat mustahak kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pentadbiran negara kita diperkuat dan diperluaskan dan hanya dengan demikian penggunaan Bahasa Kebangsaan itu akan merebak dan meluas di badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang bukan Kerajaan dan seterusnya di dalam perusahaan-perusahaan lain.

Akhir sekali saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru

kepada tuan-tuan yang hadir dalam majlis ini supaya bersama-sama berusaha lebih bersungguh-sungguh untuk menjayakan cita-cita kita mengenai Bahasa Kebangsaan. Tuan-tuanlah yang sebenar mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membantu Kerajaan melaksanakan cita-cita ini. Kepada Jawatankuasa Kerja Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang saya percaya akan bekerja kuat selama 6 bulan untuk menjayakan gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan tahun ini, saya ucapkan selamat berjuang dan selamat berkhidmat untuk kepentingan-kepentingan negara.

Dengan ini saya dengan segala sukacitanya mengisytiharkan pembukaan upacara pelancaran Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun ini.